

20/06/2000

MT bertemu di Ipoh 3 Julai

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno akan diadakan di Ipoh, Perak pada 3 Julai ini, negeri pertama menjadi tuan rumah mengikut penggiliran tempat bermesyuarat.

Sumber ibu pejabat Umno hari ini memberitahu, Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan mempengerusikan mesyuarat itu, dijangka mengumumkan pelantikan Ketua Perhubungan Negeri dan 10 anggota MT yang dilantik.

Bagaimanapun, katanya, belum ada agenda khusus yang akan dibincangkan kecuali mengenai soal pelantikan itu. Mesyuarat dijangka bermula pada kira-kira jam 2.30 petang.

Pengumuman mengenai pelantikan Ketua Perhubungan Negeri dan 10 anggota MT yang dilantik dijangka menarik perhatian. Pihak media sebelum ini menjangka pengumuman itu dibuat dalam mesyuarat MT pada 5 Jun lalu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir dalam sidang akhbar selepas mesyuarat pertama setelah Perhimpunan Agung Umno lalu itu, tidak berbuat demikian. Sebaliknya, beliau menyatakan pelantikan itu akan dibuat sebelum mesyuarat MT akan datang.

Perlembagaan Umno memperuntukkan 35 kerusi MT iaitu 25 daripadanya diisi melalui pemilihan perhimpunan agung dan 10 lagi dilantik oleh Presiden.

Isu pelantikan menteri besar dan ketua menteri sebagai ketua perhubungan Umno negeri timbul ekoran kekalahan beberapa orang dalam pemilihan parti pada 11 Mei lalu.

Mereka ialah Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar; Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam dalam pertandingan jawatan Naib Presiden, manakala Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim gagal mempertahankan kerusi MT.

Dr Mahathir juga sebelum ini membayangkan, menteri besar dan ketua menteri daripada Umno tidak semestinya dilantik menjadi pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri atau sebagai ahli MT Umno yang dilantik.

Mesyuarat MT lalu bersetuju menggilirkan mesyuarat MT iaitu sekali di ibu negara dan kemudian pada peringkat negeri bagi membolehkan pemimpin parti mendekati diri serta meninjau keadaan pada peringkat negeri.

(END)